

**Vol. 15. No.5 (128-144), ISSN: 1823-884x**

## **WANITA BEKERJA DAN KAHWIN LEWAT: SATU KAJIAN DI KUANTAN, PAHANG**

*(Working women and delayed marriage: A study in Kuantan, Pahang)*

Nurul Ain Hassan & Suresh Kumar N Vellymalay

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk meneroka faktor-faktor yang menyumbang kepada kahwin lewat dalam kalangan wanita berkerja di Kuantan, Pahang dan cabaran yang dihadapi oleh golongan ini akibat kelewatkan berkahwin. Sampel kajian terdiri daripada tiga puluh orang wanita yang berumur 30 tahun ke atas, bekerja dan belum pernah berkahwin. Sampel dipilih menggunakan kaedah persampelan bola salji. Temu bual berstruktur digunakan untuk mendapatkan maklumat daripada wanita yang dikaji. Hasil kajian mendapati bahawa kesukaran yang dihadapi oleh wanita yang bekerja untuk menemui jodoh yang sesuai, hasrat untuk merealisasikan impian keluarga, komitmen kerjaya, sikap kurang yakin terhadap perkahwinan dan pengalaman putus cinta sebagai antara faktor utama yang menyumbang kepada kahwin lewat. Selain itu, hasil kajian juga mendapati bahawa pandangan serong dan penghinaan yang diterima daripada rakan sekerja dan jiran tetangga merupakan cabaran paling besar dihadapi oleh wanita berkerja akibat kahwin lewat.

**Kata Kunci:** Wanita, kahwin lewat, cabaran

### **ABSTRACT**

This study aims to explore the factors that contribute to delayed marriage among working women in Kuantan, Pahang and the challenges encountered by them due to delayed marriage. The sample consists of thirty women aged thirty and above, working and never been married. The samples were selected using snowball sampling method. A structured interview was used to obtain information from the women studied. The findings show that the difficulties encountered by working women to meet the right match, desire to fulfill their family dreams, career commitment, low level of confidence in marriage and break-up experience as among the main factors that contributes to delayed marriage. In addition, the findings also show that negative perceptions and humiliation received from colleagues and neighbours as the biggest challenge encountered by the working women due to delayed marriage.

**Keywords:** Women, delayed marriage, challenges

### **PENDAHULUAN**

Perkahwinan merupakan pembentukan satu ikatan yang sah bagi dua individu yang bersatu sebagai suami isteri dalam membina keluarga yang bahagia (Siti Mizati Mohd Basar, 2009). Dalam masyarakat tradisional, perkahwinan dilihat sebagai elemen yang penting dalam sosialisasi masyarakat melalui pembentukan hubungan antara dua keluarga selain mengukuhkan tali persaudaraan (Fatimah Abdullah, et al., 2010). Faktor usia untuk berkahwin biasanya ditentukan dengan kemahiran fikiran dan keupayaan bagi pasangan

untuk memimpin keluarga secara teratur dan tersusun dalam menjamin kesejahteraan hidup. Walaupun perkahwinan di bawah umur banyak terjadi pada zaman-zaman awal namun dengan peredaran masa elemen usia semakin mula dipentingkan dalam memastikan pasangan yang bakal berkahwin mempunyai kemampuan fikiran dan keupayaan dalam membentuk keluarga yang teratur hasil daripada perkahwinan. Pada tahap ini, anak lelaki misalnya dikahwinkan apabila ia sudah mampu berdikari dengan mempunyai pekerjaan yang mampu menghasilkan pendapatan bagi menyara keluarganya.

Walau bagaimanapun, pemodenan dunia hari ini menyaksikan trend yang berbeza dalam perkahwinan. Trend kahwin lewat semakin ketara selaras pemodenan dunia dan pembangunan negara berserta kemajuan yang dikecapi oleh masyarakat pada hari ini. Sehinggakan dewasa ini, kahwin lewat menjadi satu fenomena yang tidak dapat dinafikan dalam kalangan masyarakat Malaysia. Kahwin lewat ini merujuk kepada golongan yang lambat berkahwin iaitu ketika mencapai usia 30 tahun dan ke atas tanpa pengecualian dari segi agama, bangsa maupun kaum (Nurishah Haji Ahmad, 1990). Perubahan trend perkahwinan yang berlaku dengan merujuk kepada usia perkahwinan pertama dalam beberapa dekad kebelakangan ini memberi kesan yang tinggi terhadap insitusi keluarga. Kelewatan berkahwin ini turut memberi implikasi yang tinggi terhadap populasi dan juga tahap kesuburan penduduk (Muhamad Rafiq Abdul Rahman, 2011).

Jika dilihat dalam konteks Malaysia, terdapat perubahan dalam trend perkahwinan yang amat jelas dalam tempoh beberapa dekad ini. Tingkat umur bagi lelaki dan perempuan yang berkahwin semakin meningkat kebelakangan ini. Menurut Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2017) umur min perkahwinan pertama bagi lelaki pada tahun 1980 adalah 26.6 tahun manakala perempuan adalah 23.5 tahun. Pada tahun 1991, umur min perkahwinan pertama bagi lelaki adalah 28.2 tahun berbanding perempuan iaitu pada 24.7 tahun. Angka ini meningkat pada tahun 2000 dengan umur min bagi lelaki iaitu 28.6 tahun dan perempuan iaitu 25.1 tahun. Pada tahun 2004, nilai ini meningkat lagi kepada 28.9 tahun bagi lelaki dan 25.3 bagi perempuan. Tahun 2010 menyaksikan umur min perkahwinan pertama bagi lelaki 28.0 tahun manakala perempuan adalah 25.7 tahun manakala pada tahun 2014, umur min adalah 26.4 tahun bagi lelaki dan 23.0 bagi perempuan (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2016). Perubahan ini didapati semakin ketara menjelang 2016 dengan min umur berkahwin lelaki iaitu 29.3 tahun dan perempuan iaitu 26.2 tahun (Rosnah Ismail, 2017).

Berdasarkan statistik tersebut, adalah jelas bahawa bukan sahaja golongan lelaki menamatkan status bujang mereka pada usia yang lewat malah golongan wanita juga memperlihatkan corak pembawaan yang sama. Memang tidak dapat dinafikan bahawa wanita masa kini mula bergerak seiring dengan lelaki dalam pasaran kerja dan memberi komitmen yang tinggi dalam usaha meningkatkan taraf hidup. Namun demikian, adakah hal ini bermakna bahawa peranan yang dipikul oleh wanita abad ke-21 ini memperlambatkan proses perkahwinan bagi golongan ini? Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka faktor-faktor yang menyumbang kepada kahwin lewat dalam kalangan wanita bekerja dan cabaran yang dihadapi oleh golongan ini akibat kelewatan berkahwin.

## **KAJIAN LEPAS**

Perkahwinan memainkan peranan yang penting dalam institusi kekeluargaan. Fungsi perkahwinan turut memperlihatkan kepentingan yang tersendiri kepada pembangunan keluarga dan negara. Perkahwinan mengukuhkan hubungan dalam pembinaan keluarga melalui ikatan yang sah (Sansabil Ismail, Sulaiman Shakib Mohd. Noor & Mohamed

Sharif Mustaffa, 2006; Rumaya Juhari, Irese Tsen, Siti Nor Yaacob, 2007). Perkahwinan juga membantu memperluaskan jurai keturunan (Sansabil Ismail, Sulaiman Shakib Mohd. Noor & Mohamed Sharif Mustaffa, 2006), membentuk sokongan antara pasangan hidup (Rumaya Juhari, Irese Tsen, Siti Nor Yaacob, 2007), mendorong komitmen sepanjang hayat (Castillo, 2016) selain membentuk sokongan di hari tua (Pujitha Reddy, 2014).

Namun demikian, trend kahwin lewat semakin ketara dan mampu memberi pelbagai implikasi kepada individu dan juga negara apatah lagi bagi negara membangun seperti Malaysia. Kajian Jones (2007) menunjukkan bahawa negara Jepun, Thailand, Myanmar, Malaysia, Taiwan, Filipina dan Indonesia sebagai antara negara yang dilanda trend kahwin lewat dan memberi kesan terhadap ekonomi, sosial dan prospek kehidupan masyarakat masa kini. Beberapa kajian telah mengemukakan kebimbangan terhadap implikasi yang ditimbulkan oleh trend kahwin lewat ini. Misalnya, kajian Jones (2007) dan Moh. Roqib (2010) mengetengahkan kebimbangan terhadap isu kahwin lewat dan perkaitannya dengan usia kehamilan dan tahap keupayaan ibu bapa dalam proses membesar anak. Semakin ramai wanita yang kahwin lewat dan memperolehi anak pertama sekitar usia 30-an dan 40-an (Shafinaz Sheikh Maznan, 2005). Pada masa yang sama, peluang wanita memperoleh anak juga berkurang selepas 35 tahun (Faizatul Farlin, 2016). Begitu juga dengan kajian Nik Norliati Fitri Md Nor dan Usman Haji Yaakob (2014) yang mendapati penurunan kadar perkahwinan secara tidak langsung turut memberi impak terhadap kadar kelahiran seterusnya memberi kesan kepada kependudukan dan urbanisasi, pertambahan golongan tua dan juga kemasukan buruh asing.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa perkahwinan merupakan soal kehidupan dan pembentukan keluarga baru yang memerlukan jaminan kesejahteraan jangka panjang dan tidak boleh dianggap mudah. Oleh itu, pelbagai aspek perlu diberi perhatian dalam proses mendirikan perkahwinan. Kajian Fatimah Abdullah et al. (2010) mendapati tiga faktor utama yang diambil kira dalam merealisasikan satu-satu perkahwinan iaitu pemilihan calon yang sesuai, soal mas kahwin dan hantaran selain kelancaran majlis yang akan berlangsung. Sebarang kekurangan yang timbul dari pada perkara tersebut dilihat mampu melambatkan proses perkahwinan. Masalah ini juga menjadi satu cabaran besar kepada individu yang berada dalam usia berkahwin.

Memandangkan terdapat peningkatan yang ketara dalam umur min perkahwinan pertama kebelakangan ini, beberapa usaha telah dilakukan dalam mengkaji isu kahwin lewat dalam konteks Malaysia. Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (2017) menerusi Laporan Penemuan Utama Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima (2014) mendapati faktor kewangan (56.0%), ketiadaan calon yang sesuai (18.4%) dan tumpuan terhadap kemajuan kerjaya (9.4%) sebagai halangan perkahwinan bagi golongan lelaki manakala permasalahan golongan wanita lebih cenderung kepada kesukaran untuk mencari calon yang sesuai untuk berkahwin (35.7%), masalah kewangan yang dihadapi (26.0%) dan tumpuan terhadap kemajuan kerjaya (18.1%). Dalam hal ini, masalah kewangan dilihat sebagai penghalang utama kepada lelaki untuk mendirikan rumah tangga manakala ketiadaan calon yang sesuai pula dilihat sebagai penghalang utama bagi wanita.

Dalam kalangan wanita, peningkatan taraf pendidikan dan kemampuan untuk berdikari akibat kestabilan dari segi kewangan juga menyumbang kepada kahwin lewat (Faudziah Yusof & Farrah Wahida Mustafar, 2017). Hal ini juga memberi kebebasan kepada wanita untuk merancang dan mengatur kehidupan peribadi mereka (Wang & Abbott, 2013). Tambahan lagi, status pendidikan dan pekerjaan pasangan turut menjadi keutamaan bagi wanita masa kini sebelum mereka memilih pasangan hidup (Gordon, 2003). Oleh itu, selaras ekspektasi tersebut, kesesuaian calon dipertikaikan (Harits Asyraf Hasnan, 2016; Nanik &

Wiwin Hendriani, 2016; Norhafzan Jaafar & Saadiah Ismail, 2016). Kos pengurusan perkahwinan juga memberi kesan ke atas golongan ini untuk melangkah ke gerbang perkahwinan (Norhafzan Jaafar & Saadiah Ismail, 2016). Malah, kadar perceraian yang meningkat kebelakangan ini turut menyebabkan wanita mula hilang kepercayaan terhadap perkahwinan (Nanik & Wiwin Hendriani, 2016).

Dari satu sudut lain, kahwin lewat memperlihatkan pelbagai cabaran kepada wanita. Dalam konteks keluarga, peningkatan usia ibu bapa dan kehadiran anak yang telah mencapai usia berkahwin tetapi belum lagi mendirikan rumah tangga menyebabkan ibu bapa memberi tekanan kepada anak untuk berkahwin (Wang & Abbott, 2013). Tekanan dan desakan daripada rakan untuk mempercepatkan perkahwinan juga suatu yang tidak dapat dielakkan (Gordon, 2003). Dalam hal ini, wanita yang belum bersedia untuk mendirikan rumah tangga berasa tertekan apabila golongan ini terus menerima nasihat daripada keluarga dan rakan (Ema Septiana & Muhammad Syafiq, 2013). Berbanding dengan golongan yang telah mendirikan rumah tangga dan mempunyai kebergantungan kepada pasangan hidup serta tanggungjawab terhadap anak (Ema Septiana & Muhammad Syafiq, 2013), wanita yang lanjut usia perkahwinan lebih mengharungi kehidupan bersendirian (Sandfield & Percy, 2003). Situasi ini bukan sahaja akan mengurangkan sokongan sosial (Kharisma Kurniasari & Tino Leonardi, 2013) malah mereka mudah berhadapan dengan kesunyian (Ema Septiana & Muhammad Syafiq, 2013). Selain itu, wanita juga terpaksa berhadapan dengan pelbagai stigma masyarakat. Hal ini kerana persekitaran hidup manusia pelbagai ragam memperlihatkan pemahaman dan persepsi yang berbeza terhadap satu-satu perkara, isu atau situasi yang melibatkan individu. Sebagai contoh kajian Hanxiao@Indah (2016) mendapati bahawa seorang anak gadis yang belum berkahwin selepas usia 25 tahun dilabelkan sebagai ‘anak dara tua’ (Andartu). Begitu juga dengan label ‘andalusia’ (Faudziah Yusof & Farrah Wahida Mustafar, 2017) dan ungkapan ‘perawan tua’ (Rizkian Tiara, 2015) yang memberi kesan ke atas emosi wanita yang belum mendirikan rumah tangga.

Walau bagaimanapun, kajian berkaitan isu kahwin lewat dalam kalangan wanita dan cabaran hidup golongan ini akibat kelewatan berkahwin masih kurang sumbangannya kepada pengukuhan ilmu dan pengetahuan dalam kalangan masyarakat khususnya dalam konteks Malaysia. Oleh itu, kajian ini ingin melihat dengan lebih lanjut tentang faktor-faktor yang menyumbang kepada kahwin lewat dalam kalangan wanita terutamanya wanita yang bekerja selain cabaran yang dihadapi oleh golongan ini akibat kelewatan berkahwin.

## **METOD KAJIAN**

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Temu bual berstruktur digunakan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan bagi memenuhi objektif kajian ini. Soal selidik digunakan untuk memandu kajian ini. Soalan berbentuk terbuka digunakan oleh pengkaji untuk mengumpul maklumat daripada sampel yang dikaji.

Kajian ini mengambil tempat di Kuantan, Pahang. Pemilihan lokasi kajian ini kerana Kuantan merupakan salah sebuah bandar besar di pantai timur Semenanjung Malaysia selain sebuah bandar yang masih muda dalam konteks kepesatan pembangunan; yang membuka ruang kepada penglibatan wanita dalam pelbagai bidang pekerjaan. Seramai 30 orang wanita berumur 30 tahun ke atas, berkerjaya dan belum pernah berkahwin telah dipilih sebagai sampel menggunakan kaedah persampelan bola salji. Sampel yang dipilih adalah wanita bekerja yang terdiri daripada pekerja awam, pekerja swasta dan juga yang bekerja sendiri di

bandar Kuantan, Pahang. Pengkaji mengenal pasti beberapa wanita yang berumur 30 tahun ke atas yang belum pernah berkahwin dan bekerja di sektor awam dan meminta mereka untuk menamakan kenalan mereka yang berada dalam kategori yang sama di pelbagai sektor pekerjaan. Daripada mereka beberapa informan kajian lain dikenal pasti untuk tujuan kajian ini. Proses ini berterusan sehingga pengkaji mendapat 30 orang wanita.

Dalam kajian ini, temu bual berstruktur digunakan bagi mendapatkan pelbagai maklumat daripada informan berkaitan isu yang dikaji. Sehubungan dengan itu, soal selidik dibentuk secara tersusun selaras objektif kajian. Soalan selidik tersebut terbahagi kepada tiga bahagian. Bahagian A dalam soal selidik merangkumi soalan berbentuk terbuka berkaitan latar belakang informan yang dikaji. Bahagian B terdiri daripada soalan berbentuk terbuka berkaitan faktor penyumbang kepada kahwin lewat manakala Bahagian C pula terdiri daripada soalan berbentuk terbuka berkaitan cabaran yang dihadapi oleh wanita akibat kelewatan berkahwin. Setiap temu bual dengan informan kajian mengambil masa lebih kurang 45 minit. Setiap informan yang terlibat dalam kajian ini dimaklumkan bahawa semua maklumat yang dikemukakan dalam temu bual ini adalah sulit dan akan dirahsiakan.

Penganalisaan data dilakukan secara deskriptif dan analitikal. Semua maklumat yang diperoleh daripada temu bual berstruktur dianalisis dan dihuraikan dalam bentuk jadual kekerapan dan jadual peratusan. Maklumat yang dihuraikan tersebut disokong dengan transkrip temu bual yang diperoleh daripada informan kajian.

## **DAPATAN KAJIAN**

Bahagian ini akan membincangkan latar belakang wanita bekerja yang melewati usia berkahwin, faktor-faktor yang menyumbang kepada kelewatan berkahwin dan cabaran yang dihadapi oleh golongan ini akibat kelewatan berkahwin.

### ***Latar belakang wanita bekerja yang melewati usia berkahwin***

Jadual 1 menunjukkan latar belakang tiga puluh orang wanita bekerja yang melewati usia berkahwin. Daripada jadual tersebut, sebanyak 43.3% wanita didapati berumur 30-40 tahun, 40.0% wanita berumur 35-39 tahun. Terdapat 13.3% wanita yang berumur 40-44 tahun manakala seorang wanita berusia lebih daripada 45 tahun. Peratusan ini menunjukkan bahawa 83.3% wanita bujang yang melewati usia berkahwin terdiri dalam peringkat umur antara 30-39 tahun.

**Jadual 1: Latar belakang wanita bekerja yang melewati usia berkahwin**

<b>Latar belakang wanita</b>		<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
Umur	30-34	13	43.3
	35-39	12	40.0
	40-44	4	13.3
	>45	1	3.3
Bangsa	Melayu	29	96.7
	Cina	1	3.3
Agama	Islam	29	96.7
	Buddha	1	3.3
Tahap pendidikan	SPM	11	36.7
	STPM/ Diploma	6	20.0
	Ijazah Sarjana Muda	11	36.7
	Ijazah Sarjana	2	6.7

Pekerjaan	Peniaga	2	6.7
	Pembantu Tadbir/perkeranian	11	36.7
	Pembantu Penerbitan	2	6.7
	Juruteknik Komputer	1	3.3
	Eksekutif Bank	1	3.3
	Polis	8	26.7
	Guru	3	10.0
	Kaunselor	1	3.3
	Akauntan	1	3.3
Pendapatan	RM 1,000-1,999	3	10.0
	RM 2,000-2,999	13	43.3
	RM 3,000-3,999	7	23.3
	RM 4,000-4,999	5	16.7
	RM5000 dan ke atas	2	6.7

n=30

Daripada Jadual 1 didapati bahawa sebanyak 96.7% wanita yang dikaji berbangsa Melayu yang beragama Islam manakala bakinya sebanyak 3.3% informan berbangsa Cina yang beragama Buddha. Dari segi taraf pendidikan pula, sebanyak 43.4% wanita yang dikaji mempunyai pendidikan tinggi. Daripada jumlah tersebut, 36.7% wanita memiliki kelayakan Ijazah Sarjana Muda manakala 6.7% wanita memiliki Ijazah Sarjana. Selainnya, sebanyak 36.7% wanita berpendidikan sehingga tahap Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) manakala 20.0% memiliki sijil di peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)/Diploma.

Penglibatan wanita dalam pekerjaan adalah pelbagai. Berdasarkan Jadual 1, sebanyak 36.7% wanita yang dikaji bekerja sebagai pembantu tadbir/perkeranian, 26.7% wanita anggota polis dan 10.0% wanita berkhidmat sebagai guru sekolah. Sebanyak 6.7% wanita bekerja sebagai pembantu penerbitan manakala 6.7% wanita pula terlibat dalam perniagaan sendiri. Tambahan lagi, terdapat tiga orang wanita yang dikaji masing-masing bekerja sebagai juruteknik komputer, akauntan dan eksekutif bank.

Dari segi pendapatan pula, hasil kajian mendapati hanya 10.0% wanita berpendapatan antara RM 1,000 hingga RM 1,999 sebulan. Sebanyak 43.3% wanita berpendapatan antara RM 2,000 hingga RM 2,999 sebulan dan sebanyak 23.3% wanita berpendapatan antara RM 3,000 hingga RM 3,999 sebulan. Selainnya iaitu sebanyak 23.4% wanita yang dikaji berpendapatan RM 4,000 dan ke atas.

### **Faktor-faktor yang menyumbang kepada kelewatan berkahwin**

Jadual 2 menunjukkan faktor-faktor yang menyumbang kepada kelewatan berkahwin dalam kalangan wanita bekerja yang dikaji. Sebanyak 43.3% wanita mengatakan bahawa kesukaran untuk menemui jodoh yang sesuai menghalang keinginan untuk berkahwin manakala 40.0% wanita mengatakan bahawa keinginan untuk merealisasikan impian keluarga menyebabkan isu perkahwinan tidak difikirkan. Menurut seorang wanita yang memegang tanggungjawab dalam memenuhi impian keluarganya:

*“Saya anak sulong ... ada adik 4 orang. Mak ayah nak sangat saya jadi jadi polis. Sekarang memang saya dah dapat jadi polis, tapi tu pun lepas saya habis master (ijazah sarjana) ... bayangkan berapa lama masa saya ambil untuk penuhi impian mak ayah. Diorang (mereka) nak saya ikut jejak ayah, jadi polis ... sebab tu saya tak fikir sangat pasal kahwin.”*

**Jadual 2: Faktor penyumbang kelewatan berkahwin**

Faktor Penyumbang	Bilangan	Peratus
Belum bertemu jodoh yang sesuai	13	43.3
Merealisasikan impian keluarga	12	40.0
Komitmen tinggi terhadap kerjaya	8	26.6
Kurang yakin dengan kemampuan mental dan rohani	6	20.0
Putus cinta	6	20.0
Kekangan kewangan	5	16.6
Trauma dengan kisah perkahwinan	3	10.0
Ingin menyambung pelajaran	2	6.6
Masalah kesihatan	1	3.3
Campur tangan keluarga	1	3.3

n=30

Keinginan untuk memenuhi aspirasi keluarga bagi menjawat jawatan yang tinggi dan disegani dengan pendapatan yang tinggi lebih diutamakan berbanding soal perkahwinan. Hasil kajian juga mendapat 26.7% wanita meletakkan komitmen yang tinggi terhadap kerjaya menyebabkan komitmen tersebut menghalang minat mereka untuk berkahwin. Selain itu, sebanyak 20.0% wanita mengatakan bahawa mereka kurang yakin terhadap kemampuan mental dan rohani untuk menghadapi perkahwinan. Seorang wanita yang dikaji menyatakan keimbangan dengan tahap kemampuan diri dari segi mental dan rohani :

*“Susah lar kalau kahwin ... saya nie jenis baran, cepat naik angin. Mood pun swing (berubah-ubah) manjang (sentiasa). Pulak tu saya ada rasa takut kalau ada anak ... takut tak boleh jaga molek-molek (elok-elok). Jaga budak ni bukan senang ... silap-silap gaya ... saya jadi tarzan (ketawa).”*

Sebanyak 20.0% wanita yang dikaji mengatakan bahawa hasrat untuk berkahwin tidak timbul akibat pengalaman putus cinta yang pernah dialami. Pengalaman lepas yang menyedihkan menyebabkan golongan ini berasa serik untuk kembali menjalinkan hubungan dengan lelaki dan mendirikan rumah tangga kelak. Menurut seorang wanita:

*“Tahun ni genap umur saya 38 tahun ... masih single dan takde kawan lelaki rapat. Memang saya pernah bertunang, masa umur saya 28 .... orang Sabah ... Sandakan. Kami kawan dah lama ... dah memang plan nak kahwin pun. Tapi dah memang takde jodoh agaknye ... putus tunang dalam tiga bulan sebelum tarikh majlis.”*

Kekangan kewangan juga menjadi penyumbang kepada kelewatan berkahwin bagi 16.7% wanita yang dikaji. Tambahan lagi, sebanyak 10.0% wanita mengatakan bahawa mereka menghadapi trauma dengan kisah perkahwinan rakan-rakan dan keluarga terdekat seterusnya menghalang keinginan mereka untuk berkahwin. Seorang wanita yang serik untuk berkahwin ekoran perceraian ibu bapa sejak kecil lagi menyatakan:

*“Ibu dengan abah saya bercerai dah lama ... masa tu saya kecil lagi....tak ingat tahun bila. Sejak tu mak saya selalu sedih ... murung,*

*kadang-kadang emosi jadi tak stabil. Saya takut tengok mak ... bertahun-tahun hidup macam tu. Sampai satu tahap...mak saudara saya yang kena bantu kami adik beradik. Mak terganggu sangat lepas bercerai ... puncanya masa ayah masih ada ... ayah selalu pukul mak ... walaupun bukan depan-depan kitorang (kami), tapi kami tahu ... sebab selalu dengar diorang (mereka) gaduh.”*

Menurut seorang lagi wanita:

*“Aku ni...dari kecil takdok ayoh ... lepah cera, ayoh gi mana dok tahu ... dok penah juppe, pah leni. Sekali abuk pong ayoh dok penoh mari jenguk...mari tanye...mari juppe ... duit toksoh harak la. Kadang mari tubik mikir ... siang ke mok, duk kije cari duit ... cari makang, paka aku adik-beradik dari kecil pah besor jalor, buak kije sorang. Ayoh ada pong bukang nok tanggungjawak ... pah dia lari lagi ade aaa ... rase serik tengok orang nikoh cerai ni ... dapat jenih laki xpakka ... pah kite pulok kena dok nanggung makan paka anok-anok. Silak2 gaya ... nge die-dia sekali kita kena tanggung skali.”*

(Terjemahan: Saya ni ... dari kecil tak ada ayah ... selepas bercerai, ayah hilang entah ke mana ... tak pernah jumpa ... sampai sekarang. Sekali pun ayah tak pernah datang jenguk ... datang tanya ... datang jumpa ... duit memang tak harap langsung. Kadang-kadang saya terfikir ... kasihan pada mak, kerja cari duit ... cari makan, pakai saya adik-beradik dari kecil hingga besar, buat kerja seorang diri. Ada ayah pun bukan nak tanggungjawab ... dia boleh lari tinggalkan kami macam tu sahaja ... rasa serik tengok orang kahwin ni ... dapat lelaki jenis tak guna ... kita pulak kena tanggung makan pakai anak-anak. Silap-silap ... perbelanjaan dia sekali kita kena tanggung.)

Sebanyak 6.7% wanita lagi menangguhkan keinginan untuk berkahwin kerana ingin menyambung pendidikan terlebih dahulu. Peluang kenaikan pangkat dalam jawatan yang menuntut tahap kelulusan akademik yang tinggi selain minat belajar yang ada mendorong minat golongan ini untuk melanjutkan pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi. Menurut seorang wanita:

*“Dengan jawatan saya sekarang ... sampai bila-bila lar saya duk sini. Peluang naik pangkat memang tak ada, paling-paling pun naik gred...tu pun kena tunggu 13 tahun. Ni lar nasib orang kerja gomen ... hahaha. Bayanglah 13 tahun ... lama lagi tu ... saya rasa baik saya sambung belajar lagi bagus. Sebab tulah saya tak fikir sangat pasal nikah ni ... kalau dah nikah, belum tentu boleh belajar ... ye dok (betul tak)?”*

Seorang lagi wanita menyatakan:

*“Saya dapat kerja ni dengan kelulusan ijazah sarjana muda...tapi saya ada rasa nak sambung ambil master (ijazah sarjana)pulak. Bukan apa, nak harapkan rekemen (recommendation) bos susah, melainkan saya ada*

*kelulusan lebih tinggi. Sementara tak kahwin ni saya ingat nak sambung dulu ambil master (ijazah sarjana)."*

Di samping itu, masalah kesihatan yang dihadapi (3.3%) dan campur tangan keluarga (3.3%) dilihat sebagai penyumbang terkecil kepada halangan untuk berkahwin. Hasil kajian mendapati terdapat seorang wanita yang menghidap kencing manis yang kronik sehingga terpaksa menjalani rawatan dialisis setiap minggu. Perkara ini dipercayai akan memberi kesan ke atas rumah tangga dan usaha memperolehi zuriat. Menurut wanita ini:

*"Saya ni ado kecing manih (kencing manis) ... buoh pingge (buah pinggang) pun rusak (rosak). Duk buat dialisis sokmo (sentiasa) ... tiga kali seminggu ... doh guane (macam mana) nok nikoh (nikah). Tahun ni masuk 42 tahun doh omo (umur). Sape dia hok nok nikoh (nikah) denge (dengan) saya gak ... (sedih). Zame (zaman) loni (sekarang) ... susoh nak cari tok laki (lelaki) hok nok susoh senang sama-sama. Ramainya hok nok tupe seney (tumpang senang)."*

Oleh itu, dapat dikatakan bahawa terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada kelewatan untuk berkahwin dalam kalangan wanita bekerja yang dikaji. Dalam hal ini, kesukaran bagi mereka untuk menemui jodoh yang sesuai, keinginan untuk merealisasikan impian keluarga, komitmen terhadap kerjaya, sikap kurang yakin terhadap kemampuan mental dan rohani untuk menghadapi perkahwinan dan pengalaman putus cinta yang pernah dialami menyumbang kepada kelewatan berkahwin dalam kalangan wanita bekerja yang dikaji. Tambahan lagi, kekangan kewangan yang dihadapi, trauma terhadap kisah perkahwinan rakan dan ahli keluarga sendiri, keinginan untuk menyambung pendidikan dan masalah kesihatan yang dihadapi selain campur tangan keluarga juga turut menyumbang kepada kelewatan berkahwin dalam kalangan wanita bekerja yang dikaji.

### ***Cabaran yang dihadapi akibat kelewatan berkahwin***

Pelbagai cabaran yang dihadapi oleh wanita bekerja akibat kelewatan berkahwin. Cabaran yang dihadapi ini memberi kesan yang tinggi ke atas emosi wanita terbabit. Jadual 3 menunjukkan cabaran yang dihadapi oleh wanita bekerja yang dikaji akibat kelewatan berkahwin.

Jadual 3: Cabaran wanita bekerja akibat kelewatan berkahwin

<b>Cabaran akibat kelewatan berkahwin</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
Pandangan serong dan penghinaan	21	70.0
Sering menghadapi soalan ‘Bila nak kahwin’	8	26.7
Kesunyian	6	20.0
Cemburu dengan kebahagiaan pasangan lain	4	13.3
Menghadapi kesulitan hidup sendiri	4	13.3
Sering diberi tanggungjawab lebih	2	6.7
Desakan keluarga dan rakan	2	6.7

n=30

Majoriti wanita yang dikaji (70.0%) didapati berhadapan dengan pandangan serong daripada rakan sekerja dan jiran tetangga akibat kelewatan berkahwin. Terdapat juga yang

berhadapan dengan fitnah. Menurut seorang wanita yang pernah menerima fitnah daripada rakan sekerja :

*“Kadang-kadang terasa juga ... orang sindir-sindir, kata tak laku la .... memilih la ... macam-macam. Pernah juga sekali tu, kak kena tuduh, skandal dengan laki orang, laki orang satu pejabat pula tu ... padahal kak tak kenal pun laki orang tu. Puncanya laki orang tu pernah nampak kak masa balik kerja ambil bini dia. Dia duk tengok-tengok kak, pastu lama-lama bini dia perasan. Dia tuduhnya kak ada skandal ngan laki dia.”*

Sebanyak 26.7% wanita pula didapati berasa tertekan dengan soalan daripada masyarakat sekeliling yang ingin mengetahui bila mereka akan menamatkan zaman bujang. Beberapa orang wanita yang dikaji menyuarakan rasa terkilan dengan kerenah saudara-mara dan rakan-rakan yang sering mengajukan persoalan tentang perkahwinan. Masalah ini sering terjadi apabila menjelang tempoh perayaan ataupun sewaktu hadir kenduri-kendara. Soalan-soalan berbaur perkahwinan biasanya diajukan tanpa mengambil kira perasaan dan sensitiviti mereka. Menurut seorang wanita:

*“Soalan paling saya tak tahan nak jawab ... bila nak kahwin? Takkan takde pilihan lagi? Keje bagus ... gaji besar ... kereta, rumah semua dah ada ... memilih sangat kot ... (mengeluh). Orang ni cakap senang je kan ... suruh kahwin, suruh cari calon ... macam boleh dapat kat kedai. Letih sangat rasa ... kadang tu rasa macam tak nak keluar rumah, tak nak jumpa sape-sape (siapa-siapa). Salah satu sebab saya tak suka pergi kenduri kahwin ... benda-benda macam ni la ... nak kena mengadap (melalui) tekanan mak-mak sedara (saudara) yang tak faham-faham.”*

Selain itu, sebanyak 20.0% wanita didapati berhadapan dengan kesunyian tanpa pasangan hidup. Seorang wanita yang dikaji menyatakan:

*“Mestilah rasa sunyi tu ada .... paling sedih bila waktu raya. Saya selalu pandang ... angan-angan ada suami, ada anak...mesti best, meriah. Pakai sedondon macam kawan-kawan saya yang lain, jalan sama-sama satu family...hahaha (senyum). Paling-paling tidak, ada orang ambil tahu masa saya sakit. Ni .... sakit pening demam pun sorang-sorang. Susah nak cakap perasaan saya sekarang”.*

Tambahan lagi, sebanyak 13.3% wanita menyatakan bahawa mereka berasa cemburu dengan kebahagiaan pasangan yang telah berkahwin. Seorang wanita menyatakan:

*“Kalau ikutkan kawan-kawan masa sekolah, majoriti dah kahwin pun ... ada lar dua tiga kerat yang bujang, termasuklah saya. Bila tengok masing-masing duk kelek (dukung) anak ... kadang timbul jugak rasa jeles. Paling saya suka bila kawan-kawan dapat baby ... rasa teringin sangat nak ada baby sendiri ...”.*

Sebanyak 13.3% wanita yang lain menyatakan bahawa mereka terpaksa menghadapi kesulitan hidup secara bersendirian tanpa sokongan. Salah seorang daripada mereka menyatakan:

*“Selama aku hidup ni, semua benda aku buat sendiri. Kereta rosak ke ... atap bocor ke ... beli barang dapur semua, memang dah jadi tugas aku. Yelah, nak harapkan siapa pulak ... lain lar ada suami. Orang senang je cakap, tengok ... bukan nak harap tolong, mengata lagi ada la”.*

Di samping itu, sebanyak 6.7% wanita menyatakan bahawa mereka sering diberi tanggungjawab kerja yang lebih tinggi di tempat kerja berbanding wanita yang telah berkahwin. Menurut seorang wanita yang menyatakan dirinya kerap diberikan kerja yang banyak di tempat kerja:

*“Biasa la tu ... apa benda kerja hujung minggu tu memang saya yang kena cover. Konon-konon sebab saya bujang, susah nak suruh orang kahwin kerja ... outstation, mesyuarat lewat malam, tugas bilik gerakan ... pergi function rasmi pun saya. Dah jadi macam tanggungjawab saya ... kalau tolak bukan bos faham pun (mengeluh)”.*

Selainnya, 6.7% wanita menyatakan bahawa mereka sering berhadapan dengan desakan daripada ahli keluarga dan rakan untuk mempercepatkan perkahwinan. Dalam hal ini, seorang wanita menyatakan:

*“Pernah jugak dua tiga kali orang kenen-kenan (jodohkan) dengan kawan masing-masing, tapi semua pun tak jadi. Pastu (lepas itu) diorang (mereka) cakap saya memilih sangat, nak yang perfect (sempurna). Pernah sekali tu, officemate saya ... macam paksapaksa pulak, nak jodohkan saya dengan anak saudara dia ... muda dari saya pula tu. Pada saya, hal kahwin ni bukan benda main-main”.*

Oleh itu, cabaran yang dihadapi oleh wanita bekerja akibat kelewatan berkahwin adalah bersifat pelbagai. Pandangan serong dan penghinaan yang diterima daripada rakan sekerja dan jiran tetangga selain tekanan daripada masyarakat sekeliling yang ingin mengetahui tentang hari perkahwinan dan kesunyian hidup yang dilalui dilihat sebagai cabaran yang paling besar kepada wanita bekerja. Pelbagai cabaran yang diharungi oleh wanita bekerja akibat kelewatan berkahwin ini mengakibatkan mereka berhadapan dengan tekanan emosi.

## **PERBINCANGAN**

Kajian ini bertujuan untuk meneroka faktor-faktor yang menyumbang kepada kelewatan berkahwin dalam kalangan wanita bekerja dan cabaran yang dihadapi oleh golongan ini akibat kelewatan berkahwin. Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati bahawa majoriti wanita bekerja yang dikaji mempunyai taraf pendidikan yang tinggi dan memikul beban pekerjaan yang berbeza dari segi bidang dan status. Rata-rata golongan ini terdiri daripada kelas menengah. Hasil kajian ini telah menemukan pelbagai faktor yang menyumbang kepada kelewatan berkahwin dalam kalangan wanita yang bekerja ini. Dalam aspek ini, kesukaran

yang dihadapi oleh wanita yang bekerja untuk menemui jodoh yang sesuai, hasrat mereka untuk merealisasikan impian keluarga, komitmen yang tinggi terhadap kerjaya, sikap kurang yakin terhadap kemampuan mental dan rohani untuk menghadapi perkahwinan dan pengalaman putus cinta yang pernah dialami sebelum ini amat mempengaruhi keinginan mereka untuk mendirikan rumah tangga. Hasil kajian turut mendapati kewujudan kekangan kewangan, trauma terhadap kisah perkahwinan rakan dan ahli keluarga sendiri, keinginan untuk menyambung pendidikan, masalah kesihatan yang dihadapi dan campur tangan keluarga turut mempengaruhi keputusan wanita bekerja ini untuk melewatkannya perkahwinan mereka. Hasil kajian ini selaras dengan Laporan Penemuan Utama Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima 2014 (Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, 2017) yang mendapati ketidaksesuaian jodoh, kekangan kewangan dan pengembangan kerjaya sebagai faktor penyumbang utama kepada kelewatannya berkahwin dalam kalangan wanita. Hasil kajian ini juga konsisten dengan kajian Nanik & Wiwin Hendriani (2016) yang menyatakan bahawa ekspektasi terhadap kesesuaian calon sebagai salah satu faktor yang mempengaruhi kahwin lewat dalam kalangan wanita.

Faktor-faktor yang menyumbang kepada kelewatannya berkahwin dalam kalangan wanita yang bekerja memberikan pelbagai cabaran kepada golongan ini dalam kehidupan yang dilalui. Hasil kajian mendapati pandangan serong dan penghinaan yang diterima daripada rakan sekerja dan jiran tetangga merupakan cabaran paling besar oleh wanita bekerja akibat kelewatannya berkahwin. Cabaran tersebut diikuti dengan tekanan daripada masyarakat sekeliling yang ingin mengetahui tentang hari perkahwinan dan kesunyian hidup yang dilalui tanpa pasangan hidup sebagai dua cabaran utama lain yang dilalui oleh wanita bekerja akibat kelewatannya berkahwin. Selain itu, cabaran seperti perasaan cemburu dengan kebahagiaan pasangan yang telah berkahwin, kesulitan hidup secara bersendirian tanpa sokongan, tanggungjawab kerja yang lebih tinggi di tempat kerja dan desakan daripada ahli keluarga dan rakan untuk mempercepatkan perkahwinan turut dilihat sebagai cabaran kepada wanita bekerja walaupun peratusannya tidak tinggi. Justeru, hasil kajian ini konsisten dengan kajian Han Xiao@Indah (2016) yang mendapati bahawa wanita yang berkahwin lewat mudah menjadi bahan gosip dan dipandang serong oleh masyarakat.

Terdapat beberapa kemungkinan yang dapat dijelaskan daripada dapatan kajian ini. Pertama, perubahan hidup daripada masyarakat tradisi kepada masyarakat moden turut membawa perubahan dalam struktur keluarga khususnya kepada golongan wanita. Rata-rata wanita tidak lagi memegang peranan sebagai suri rumah seperti dalam keluarga tradisi malah telah bersaing dengan golongan lelaki dalam pelbagai bidang. Selaras pembangunan negara maka peluang pendidikan dan kerjaya semakin meningkat dan terbuka luas bagi golongan ini. Kepentingan terhadap pendidikan dan pendedahan luar telah membuka mata golongan wanita untuk berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan golongan lelaki. Dalam hal ini, usaha dan komitmen untuk meningkatkan taraf hidup demi pembangunan diri selain menyokong keluarga menenggelamkan keinginan untuk berkahwin awal. Kedua, dengan adanya pendidikan yang tinggi dan taraf pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan tersebut maka wanita bertindak memilih pasangan yang difikirkan layak bagi menjamin sosioekonomi keluarga yang kukuh apabila berumahtangga nanti. Tidak seperti keluarga tradisi yang mementingkan perkahwinan diatur, generasi muda masa kini lebih mengutamakan perkahwinan atas pilihan sendiri. Bentuk perkahwinan ini juga mempengaruhi pencarian calon yang sesuai, tempoh perkenalan dan usaha memahami satu sama lain sebelum berkahwin dan proses ini memakan masa.

Ketiga, nisbah lelaki kepada wanita adalah kurang menyebabkan jumlah wanita lebih ramai daripada lelaki di negara ini. Pengurangan nisbah lelaki kepada wanita meningkatkan

kesukaran bagi wanita untuk memilih lelaki ideal yang difikirkan layak dan sesuai bagi mendirikan rumah tangga. Keempat, wanita yang berasal daripada keluarga yang bermasalah atau yang mengalami keretakan rumah tangga sudah pasti akan mempunyai trauma terhadap perkahwinan. Hal ini diperburukan lagi jika terdapat rakan mereka berhadapan dengan konflik keluarga atau penceraihan. Dalam hal ini, wanita masa kini amat rasional dalam memilih pasangan bagi memastikan agar sejarah yang menghimpit keluarga atau rakan tidak berulang dalam kehidupan mereka nanti selepas berkahwin. Wanita masa kini juga bertindak rasional dalam memilih pasangan hidup agar tidak membuat keputusan yang salah dalam pemilihan pasangan. Golongan ini tidak ingin menanggung risiko keretakan rumah tangga atas kesilapan yang dilakukan dengan memilih pasangan yang salah. Situasi sebegini mudah mempengaruhi wanita sama ada untuk tidak berkahwin, menangguh perkahwinan atau mengambil masa yang panjang bagi membuat keputusan untuk berkahwin.

Kelima, kegagalan dalam percintaan mudah membentuk sikap putus asa dalam kalangan wanita untuk membina kehidupan baharu. Tidak kurang pula yang hilang keyakinan terhadap lelaki. Malah, kegagalan bercinta menyebabkan kekecewaan tersebut disalurkan ke arah usaha memperkuuh diri dan kerjaya. Hal ini menyebabkan golongan ini hilang minat dalam mendirikan rumah tangga. Keenam, kebiasaan anak merupakan sumber sokongan utama bagi ibu bapa. Dalam aspek ini kerapatan antara anak perempuan dengan ibu bapa adalah lebih tinggi kerana anak perempuan lebih cenderung menjamin urusan penjagaan ibu bapa berbanding anak lelaki yang terikat dengan membantu keluarga dari segi kewangan. Tanggungjawab anak perempuan terhadap keperluan menjaga ibu bapa di hari tua bagi menjamin kesejahteraan hidup mereka menyebabkan wanita menangguhkan niat untuk berkahwin awal.

Ketujuh, tumpuan yang tinggi terhadap kerjaya mengurangkan masa bagi wanita bekerja untuk aktiviti bersifat peribadi. Situasi ini turut mengurangkan masa untuk interaksi dan sosialisasi selain penglibatan dalam majlis tertentu yang boleh membawa perkenalan. Komitmen yang tinggi terhadap pekerjaan dan sasaran aspirasi kecemerlangan yang ditentukan melalui kerjaya membataskan ruang untuk memikirkan tentang komitmen perkahwinan. Kelapan, wanita masa kini kurang bergantung kepada ibu bapa untuk menguruskan perbelanjaan perkahwinan. Disebabkan golongan ini bekerja dan mempunyai pendapatan tetap maka mereka mampu merancang simpanan untuk masa hadapan mereka termasuk untuk tujuan perkahwinan. Pada masa yang sama, golongan ini juga mungkin berhadapan dengan masalah menabung memandangkan mereka juga mempunyai pelbagai komitmen lain yang menelan perbelanjaan yang tinggi setiap bulan. Sehubungan itu, kekangan kewangan juga mampu membuatkan wanita untuk menangguhkan perkahwinan bagi satu tempoh tertentu.

Kajian ini memperlihatkan beberapa implikasi. Pertama, wanita bekerja yang telah melewati usia berkahwin perlu sedar bahawa sikap mereka melewatkan perkahwinan akan memberi kesan ke atas jangka masa panjang khususnya di hari tua. Pada tahap tersebut, golongan ini seakan-akan gantung tidak bertali tanpa sokongan sosial tidak kira dari segi fizikal mahupun bukan fizikal. Justeru, golongan ini perlu sedar bahawa mereka tidak boleh terus bersikap fatalistik dan terserah pada takdir tanpa berusaha untuk mengubah keadaan yang sedia ada. Komitmen keluarga dan kerja yang sedia ada perlu diuruskan secara efektif tanpa memberi implikasi kepada kehidupan peribadi. Pengurusan diri dan perancangan yang teliti dapat menyelesaikan masalah ini. Kedua, bagi wanita bekerja yang menghadapi kesukaran untuk mendapat jodoh yang sesuai dengan taraf pendidikan dan pekerjaan selain mempunyai kriteria tertentu yang diingini daripada pasangan hidup maka agensi cari jodoh

perlu didekati. Begitu juga bagi golongan yang bersifat terlalu memilih dalam mencari pasangan ideal. Ketiga, interaksi dan sosialisasi yang positif selain kehadiran golongan tersebut dalam majlis keramaian mampu memberi ruang kepada budaya menjodohkan saudara-mara dan sahabat handai. Keempat, pengurusan perkahwinan dengan bajet yang berpatutan tanpa pembaziran untuk tempahan lokasi unik dan dekorasi berlebihan misalnya, dapat membantu golongan berpendapatan rendah atau yang mempunyai komitmen kewangan yang tinggi untuk mendirikan rumah tangga dalam keadaan yang sedia ada tanpa perlu menangguh. Perbincangan belanja kahwin yang tidak memberatkan pihak lelaki juga dapat memudahkan urusan perkahwinan bagi wanita agar wanita tidak dilihat sebagai mata duitan lalu memberi kesan kepada perkahwinan yang bakal berlangsung. Budaya berhutang dan masalah kahwin lewat akan berkurangan jika beban perbelanjaan perkahwinan dielakkan sekaligus memudahkan urusan perkahwinan.

Kelima, peranan ibu bapa juga amat penting pada tahap ini apabila anak perempuan melewati usia berkahwin. Ibu bapa perlu bertanggungjawab untuk memilih jodoh bagi anak namun mereka perlu menyerahkan keputusan kepada anak untuk menentukan sama ada jodoh tersebut diterima atau ditolak. Keenam, program-program kaunseling amat perlu bagi wanita yang kahwin lewat terutamanya yang kurang yakin terhadap kemampuan mental dan rohani untuk menghadapi perkahwinan, yang menghadapi trauma terhadap kisah keretakan perkahwinan rakan dan ahli keluarga sendiri dengan trauma perkahwinan dan yang berhadapan dengan pengalaman putus cinta. Program sebegini dapat membantu mengurangkan tekanan perasaan yang dihadapi oleh wanita selain membuka mata mereka terhadap kepentingan dan hala tuju perkahwinan. Ketujuh, penganjuran ceramah dan kempen kesedaran tentang perkahwinan dapat membuka minda orang ramai khususnya wanita yang melewati usia berkahwin tentang kepentingan perkahwinan dan sokongan sosial pada masa hadapan. Kelapan, persatuan atau pertubuhan boleh ditubuhkan bagi menjamin ikatan dalam kalangan wanita yang melewati usia berkahwin daripada pelbagai latar belakang agar ia menjadi medan untuk mereka mengenali sesama sendiri dan berbincang tentang permasalahan yang dihadapi selain merancang masa hadapan mereka.

Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai beberapa limitasi. Kajian ini hanya dilakukan di satu lokasi sahaja iaitu di bandar Kuantan, Pahang. Lokasi-lokasi lain di negeri Pahang tidak diambil kira untuk tujuan kajian ini. Begitu juga dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Larangan untuk memasuki beberapa agensi kerajaan dan swasta juga menyebabkan sesi temu bual tepaksa ditangguh berkali-kali kerana sukar merancang pertemuan dengan mengambil kira kesesuaian masa lapang antara pengkaji dan informan. Selain itu, sesetengah wanita menghadapi kesukaran untuk memberi kerjasama dalam menerangkan faktor penyumbang kepada kelewatan berkahwin dan cabaran yang dihadapi oleh mereka akibat rasa malu untuk menyatakan pandangan mereka secara terbuka. Tambahan lagi, faktor kefasihan bahasa menjadi penghalang kepada pengkaji untuk menemu bual seorang informan berbangsa Cina yang kurang fasih berbahasa Malaysia. Pengkaji terpaksa mendapatkan bantuan seorang rakan berbangsa Cina yang fasih berbahasa Malaysia bagi membantu sesi temu bual yang dijalankan.

Justeru, kajian akan datang perlu mengambil kira negeri-negeri lain di Malaysia agar hasil kajian yang lebih menarik dapat diperoleh. Kajian yang dilakukan ini majoritinya melibatkan sampel daripada etnik Melayu dan hanya melibatkan seorang sampel daripada etnik Cina maka kajian akan datang juga perlu mengambil kira kepelbagai etnik yang terdapat di negara ini. Kajian akan datang juga perlu memfokuskan kepada personaliti wanita bekerja dan ciri pasangan yang dikehendaki. Kajian juga disarankan untuk melihat peranan dan tanggungjawab ibu bapa terhadap anak yang telah lanjut usia berkahwin.

## **KESIMPULAN**

Perkahwinan merupakan satu tuntutan hidup dan mempunyai kesignifikanan yang tinggi dalam kehidupan manusia. Perkahwinan bukan sahaja berperanan sebagai penyambung keturunan tetapi juga membekalkan pelbagai kelebihan kepada pembangunan keluarga. Walau bagaimanapun, fenomena kahwin lewat bertindak sebagai satu gelombang baharu yang mempengaruhi pemikiran generasi muda dan melewatkannya usaha golongan ini untuk melangkah ke gerbang perkahwinan seawal usia berkahwin; lebih-lebih lagi dalam kalangan wanita masa kini. Perkembangan dunia telah banyak mengubah pendirian golongan wanita dan keinginan untuk hidup berdikari dan memajukan diri. Pelbagai cabaran yang dihadapi oleh wanita masa kini turut menyebabkan pegangan terhadap soal perkahwinan semakin berubah. Namun demikian, se perkara yang pasti adalah budaya kahwin lewat ini memberi kesan yang tinggi terhadap diri individu, institusi keluarga dan juga struktur kependudukan negara. Sehubungan itu, golongan wanita perlu berfikir di luar kotak dan menyedari implikasi yang bakal timbul kerana fenomena ini bukan satu permasalahan individu tetapi satu masalah sosial yang mampu memberi kesan yang tinggi kepada negara.

## **RUJUKAN**

- Castillo, J. (2016). 25 benefits to living a married life. <https://list25.com/25-benefits-to-living-a-married-life/>
- Faizatul Farlin Farush Khan. (2016). Kadar kesuburan di Malaysia kian merosot. Harian Metro. <https://www.hmetro.com.my/node/106963>
- Fatimah Abdullah, Mohamad Zain Musa & Farid Mat Zain. (2010). Perkahwinan dan Keluarga dalam Masyarakat Cam. SARI – International Journal of the Malay World and Civilisation, 28(2), 155-173.
- Faudziah Yusof & Farrah Wahida Mustafar. (2017). Cabaran bujang lewat usia: Stigma terhadap wanita berkerjaya, Jurnal Sains Sosial, 2, 117-129.
- Gavin, J.W. (2007). Delayed Marriage and Very Low Fertility in Pacific Asia. Population and Development Review, 33(3), 453-478.
- Han Xiao@Indah. (2016). Pemodenan dan Pembentukan Keluarga Melayu di Bandar. Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu, 9(2), 245-261.
- Harits Asyraf Hasnan (2016). Alasan wanita kahwin lambat: Tiada calon sesuai! <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/alasan-wanita-kahwin-lambat-tiada-calon-sesuai-95780>
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. (2017). Perangkaan Wanita, Keluarga dan Masyarakat 2016. <https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Penerbitan/Buku%20Perangkaan/Perangkaan%202016.pdf>
- Kharisma Kurniasari & Tino Leonardi. (2013). Kualitas perempuan lanjut usia yang melajang. Jurnal Psikologi Pendidikan dan Perkembangan, 2(3), 152-159.
- Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara. (2017). Laporan Penemuan Utama Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima 2014. <http://www.lppkn.gov.my/index.php/pusat-sumber/2016-02-26-02-25-15/2016-03-04-00-42-00/file.html>

- Moh. Roqib. (2010). Pernikahan Dini dan Lambat: Merampas Hak-hak Anak. *Jurnal Studi Gender & Anak. Yinyang*, 5(2), 298-311.  
<http://ejournal.iainpurwokerto.ac.id/index.php/yinyang/article/view/276/243>
- Muhamad Rafiq Abdul Rahman. (2011), Mengapa mereka kahwin lewat. *Dewan Masyarakat*, Julai, 41-47.
- Nanik & Wiwin Hendriani. (2016). Studi Kajian Literatur: Wanita tidak menikah di berbagai negara. Seminar Asean 2nd Psychology & Humanity. Psychology Forum UMM, 19 – 20 Februari 2016.  
<http://mpsi.umm.ac.id/files/file/304-311%20Nanik%20%2C%20Wiwin.pdf>
- Norhafzan Jaafar dan Saadiah Ismail. (2016). Tiada calon sesuai dan faktor kewangan punca lewat kahwin. <https://www.bharian.com.my/node/180661>
- Nik Norliati Fitri & Usman Haji Yaakob. (2014). Perubahan Komposisi Penduduk Malaysia 1970-2010. *International Journal of Environment, Society and Space*, 2(2), 10-20.
- Nurishah Haji Ahmad. (1990). Kahwin Lambat di Kalangan Wanita: Sebab, Kesan dan Pandangan Masyarakat Terhadapnya. *Latihan Ilmiah Fakulti Syariah Akademi Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur*.  
[http://studentsrepo.um.edu.my/4127/1/Microfiche\\_11120\\_\\_Kahwin\\_lambat\\_di\\_kalangan\\_wanita.pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/4127/1/Microfiche_11120__Kahwin_lambat_di_kalangan_wanita.pdf)
- Pujitha Reddy. (2014). Top 10 advantages of getting married. <http://listdose.co/top-10-advantages-of-getting-married/>
- Rizkian Tiara Dyah Pradipta. (2015). Psychological well being pada wanita lajang dewasa madya. <http://eprints.ums.ac.id/39067/1/NASKAH%20PUBLIKASI.pdf>
- Rosnah Ismail. (2017). Peranan Ibu Bapa Dalam Membentuk Keluarga Bahagia. Simposium Psikologi dan Kesihatan Sosial-I 2017, 17 Mei 2017, Universiti Malaysia Sabah.  
[http://www.ums.edu.my/uppksv2/images/SPKS-I2017/prof\\_rosnah.pdf](http://www.ums.edu.my/uppksv2/images/SPKS-I2017/prof_rosnah.pdf)
- Rumaya Juhari, Irese Tsen, Siti Nor Yaacob. (2007). Pengaruh personaliti ke atas kualiti perkahwinan responden Cina di Sandakan, Sabah. *Borneo Research Journal*, 1(Dis), 219-235.
- Sandfield, A. & Percy, C. (2003). Accounting for single status: Heterosexism and ageism in heterosexual women's talk about marriage. *Feminism & Psychology*, 13(4), 475–488.
- Sansabil Ismail, Sulaiman Shakib Mohd. Noor & Mohamed Sharif Mustaffa .(2006). Persepsi Siswi Terhadap Faktor-Faktor yang Memainkan Peranan untuk Mendirikan Rumah Tangga: Satu Tinjauan di Fakulti Pendidikan. National Student Development Conference (NASDEC) 2006, 8-9 Ogos 2006, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Shafinaz Sheikh Maznan. 2005. Kahwin lambat risiko semasa hamil. Utusan Online.  
[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2005&dt=1211&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Kesihatan&pg=kn\\_01.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2005&dt=1211&pub=Utusan_Malaysia&sec=Kesihatan&pg=kn_01.htm)
- Siti Mizati Mohd Basar. (2009). Persepsi Mahasiswa Tahun Akhir Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam) Terhadap Kahwin Ketika Belajar : Kajian Di UTM Skudai. Latihan Projek Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.  
[http://www.fp.utm.my/epusatsumber/pdffail/ptkgdfwp2/p\\_2009\\_8997\\_88c1104ec8774407b2fe457ac23fac1c.pdf](http://www.fp.utm.my/epusatsumber/pdffail/ptkgdfwp2/p_2009_8997_88c1104ec8774407b2fe457ac23fac1c.pdf)
- Wang, H. & Abbott, D.A. (2013). Waiting for Mr. Right: The Meaning of Being a Single Educated Chinese Female Over 30 in Beijing and Guangzhou. *Women's Studies International Forum*, 40, 222-229.

**Vol. 15. No.5 (128-144), ISSN: 1823-884x**

**Nurul Ain Hassan**

Pelajar Ijazah Sarjana Muda Antropologi dan Sosiologi

Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh

Universiti Sains Malaysia

lyniean@yahoo.com

**Suresh Kumar N Vellymalay (PhD)**

Pensyarah Kanan

Bahagian Antropologi dan Sosiologi

Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh

Universiti Sains Malaysia

suresh@usm.my